

MEMO

Kepada : **SEMUA STAF
KAMPUS BESTARI JAYA & SHAH ALAM**

Daripada : Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT)

Tarikh : 16 April 2020

Perkara : **MAKLUMAN BERKENAAN SISTEM I-AMBILAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (CICT) ingin memaklumkan bahawa sistem i-ambilan untuk pendaftaran pelajar baharu secara online telah disiapkan dan boleh digunakan bermula 15 April 2020.

3. Sistem i-ambilan merupakan sistem yang digunakan oleh bakal pelajar untuk menerima tawaran dan seterusnya membuat bayaran untuk pendaftaran secara maya bermula sesi April 2020. Bakal pelajar yang telah menerima surat tawaran di sistem e-tawaran boleh menggunakan sistem ini. Begitupun, bakal pelajar yang telah menerima tawaran dan membuat bayaran pengesahan **sebelum 15 April 2020** tidak perlu lagi menggunakan sistem ini.

4. Untuk makluman semua, sistem ini boleh digunakan melalui capaian <https://i-ambilan.unisel.edu.my/>. Suka ingin kami mewartarkan kepada semua staf UNISEL berkenaan sistem ini untuk penyelarasan aktiviti dan maklumat berkaitan pemasaran dan pendaftaran.

Kerjasama dan perhatian pihak fakulti/pusat/jabatan adalah sangat dihargai.

Sekian untuk makluman dan perhatian semua staf.

Terima kasih.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

Yang menjalankan tugas,



Ts. Dr. WAN AZLAN BIN WAN HASSAN@WAN HARUN
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT)